



DELEUM

POLISI SISTEM PENGURUSAN ANTI-RASUAH

DELEUM BERHAD dan anak-anak syarikatnya ("DELEUM") memberikan komitmen yang penuh dalam menjalankan perniagaan dengan tahap integriti yang tinggi.

Selaras dengan komitmen tersebut, DELEUM mempraktikkan tindakan-tindakan yang berikut:

1. Mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan anti-rasuah khususnya Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
2. Menjunjung tinggi nilai integriti, ketelusan, akauntabiliti dan tingkah laku beretika dalam menjalankan perniagaan dan operasi syarikat.
3. Berusaha untuk mencapai matlamat dan sasaran Sistem Pengurusan Anti-Rasuah dengan menjalankan penilaian yang rapi terhadap risiko anti-rasuah.
4. Menjunjung tinggi prinsip-prinsip anti-rasuah dalam semua urusan perniagaan dan interaksi yang dijalankan bersama pihak luar, termasuk rakan perniagaan, agensi kerajaan dan pihak berkepentingan yang lain.
5. Melarang pekerja-pekerja daripada meminta, menerima, menawarkan serta terlibat dalam sebarang bentuk aktiviti yang melibatkan rasuah.
6. Menubuhkan badan bebas yang memantau dan bertanggungjawab terhadap pematuhan anti-rasuah syarikat.

DELEUM menuntut semua pekerja dan pihak berkepentingan untuk patuh kepada Polisi ini. Sebarang pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikenakan tindakan undang-undang dan tatatertib mengikut dasar, prosedur, arahan dan garis panduan Syarikat.

DELEUM memupuk nilai integriti dan ketelusan serta menggalakkan semua pekerja dan pihak berkepentingan untuk menyalurkan sebarang maklumat tentang kelakuan tidak wajar atau penyelewengan lain yang berlaku dalam syarikat melalui emel whistle@deleum.com.

RAMANRAO BIN ABDULLAH
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN
29 SEPTEMBER 2023

Semakan 1